

Jumaat, Apr 06 2018

[FOTO HIASAN]

Di bawah Bajet 2018 kerajaan mengagihkan sejumlah RM27 bilion bagi sektor kesihatan yang merangkumi kos bagi pembelian bekalan perubatan, khidmat sokongan perubatan dan pembinaan fasiliti perubatan.



Nasihat saya kepada Wan Saiful, jika anda benar-benar ingin menjadi ahli politik yang berwibawa, rajin-rajinlah turun ke padang dan berjumpa dengan rakyat dan bukan hanya cuba menjadi hero apabila tiba pilihan raya sahaja"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

'Mahu jadi wira perlu tahu fakta sebenar'

BH 6/4

Dalam keghairahan Timbalan Ketua Strategi dan Polisi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Wan Saiful Wan Jan, hendak memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan harapan menjadi Ahli Parlimen pada pilihan raya akan datang, beliau nampaknya sudah tidak boleh lagi membezakan di antara fakta dan persepsi.

Untuk pengetahuan Wan Saiful, kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Malah kerajaan berusaha keras untuk memberikan perlindungan kesihatan yang terbaik bagi rakyat Malaysia.

Di bawah Bajet 2018, kerajaan mengagihkan sejumlah RM27 bilion bagi sektor kesihatan yang merangkumi kos bagi pembelian bekalan perubatan, khidmat sokongan perubatan dan pembinaan fasiliti perubatan. Pengagihan belanjawan bagi sektor kesihatan tidak pernah dikurangkan, malah ia sentiasa meningkat.

Peruntukan kesihatan meningkat

Bajet sektor kesihatan 2014 iaitu RM22 bilion, meningkat sehingga mencecah RM27 bilion pada 2018.

Sama ada Wan Saiful sedar atau tidak, peruntukan bajet bagi sektor kesihatan adalah yang kedua terbesar selepas sektor

pendidikan.

Dakwaan pemotongan bajet kesihatan seperti yang dikatakan oleh Wan Saiful, ternyata suatu dakwaan yang tidak tepat.

Pengagihan bajet kerajaan bagi sektor kesihatan memberi penekanan kepada seluruh spektrum penjagaan kesihatan iaitu dari segi pencegahan, pengurangan risiko, saringan, rawatan kuratif, ujian pengesanan, rawatan susulan serta kawalan dan rawatan komplikasi penyakit.

Usaha kerajaan bagi sektor perubatan bukan terhad kepada pengagihan bajet sahaja, malah ia merangkumi usaha-usaha membina dan menaik-taraf hospital serta pusat kesihatan di seluruh negara.

Setakat 2017, kerajaan telah membina, menaik taraf dan membesarkan lebih 144 hospital yang menyediakan 41,995 katil pesakit; 1,060 klinik kesihatan; 1,800 klinik desa dan juga 357 Klinik 1Malaysia (K1M).

Di samping itu, kerajaan juga telah menambahkan perjawatan pakar perubatan di Kementerian Kesihatan, daripada 3,380 pada tahun 2012 kepada 4,970 pakar pada 2017.

Ini tidak termasuk bakal doktor yang sedang dilatih oleh institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

Semua fakta di atas, adalah bukti bahawa Kerajaan BN amat mengambil berat akan keadaan kesihatan rakyat tanpa mengira

bangsa, keturunan, umur atau pegangan politik.

Tidak pernah kerajaan meletakkan rakyat dalam sebarang keadaan risiko seperti yang didakwa oleh Wan Saiful.

Tak sepatutnya ambil jalan mudah

Sepatutnya, sebagai seorang yang berpelajaran tinggi, Wan Saiful patut turut serta dalam usaha kerajaan untuk menyeru rakyat Malaysia untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat, pemakanan seimbang dan kerap melakukan senaman untuk mengelakkan penyakit yang serius seperti masalah buah pinggang, kencing manis dan sebagainya.

Wan Saiful tidak sepatutnya mengambil jalan mudah dan populis dengan hanya melontarkan segala masalah kesihatan rakyat kepada kerajaan.

Nasihat saya kepada Wan Saiful, jika anda benar-benar ingin menjadi ahli politik yang berwibawa, rajin-rajinlah turun ke padang dan berjumpa dengan rakyat dan bukan hanya cuba menjadi wira apabila tiba pilihan raya sahaja.

Jangan melihat isu kesihatan dari pandangan sempit serta cuba memanipulasi dan mengelirukan rakyat. Soal kesihatan rakyat tak payahlah dipolitikkan.

Johari Abdul Ghani
Menteri Kewangan II dan
Ahli Parlimen Titiwangsa



Klinik 1Malaysia antara inisiatif dilaksana Kerajaan Pusat untuk meningkatkan tahap penjagaan kesihatan rakyat.



Pelbagai program penjagaan kesihatan dilaksana Kementerian Kesihatan untuk memastikan tahap kesihatan rakyat terjamin.